



MPOB anjur acara sampingan dan pameran sempena COP17

Perjelas industri sawit mampan di Malaysia

Oleh Dr Puah Chiew Wei
cwpuah@mpob.gov.my

DURBAN (Afrika Selatan): MPOB menganjurkan acara sampingan iaitu Seminar Mitigasi Perubahan Iklim Menerusi Amalan Mampan Industri Sawit sempena Persidangan Parti Konvensyen Rangka Kerja Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Perubahan Iklim Ke-17 (COP17) di sini pada 5 Disember 2011.

Seminar itu bertujuan menjelaskan pembangunan industri sawit Malaysia dan pelaksanaan amalan mampan bagi mengurangkan kesan perubahan iklim dan pemanasan global disamping menjelaskan kepentingan industri sawit bagi pembangunan sosio-ekonomi negara dan mengurangkan kadar kemiskinan penduduk luar bandar.

Seminar ini disertai lebih 70 peserta dari pelbagai organisasi, pertubuhan bukan Kerajaan (NGO), wakil media dan peserta industri sawit di dunia.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tan Sri Bernard Dompok semasa menyampaikan ucapan pada seminar ini berkata Kerajaan Malaysia komited dan melakukan usaha secara berterusan bagi memastikan pengurangan pelepasan gas rumah hijau (GHG).

"Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Najib Abdul Razak sempena Persidangan COP Ke-15 telah secara sukarela menyatakan komitmen Malaysia untuk mengurangkan pelepasan intensiti karbon sehingga 40 peratus menjelang 2020 berbanding paras 2005," katanya.

Beliau menjelaskan industri sawit adalah salah satu penyumbang utama kepada pembangunan ekonomi negara. Dalam hal ini, hala tuju industri yang mampan telah dirangka, bukan saja untuk peningkatan produktiviti malah juga untuk memastikan alam sekitar dan hidupan liar terpelihara.

Katanya, kini 56 peratus kawasan adalah masih hutan simpan yang kaya dengan stok karbon dan biodiversiti. Ini selaras dengan komitmen Kerajaan pada Sidang Kemuncak Bumi di Rio pada 1992 untuk memelihara sekurang-kurangnya 50% bumi Malaysia sebagai hutan simpan.

Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May semasa perbincangan panel menjelaskan aktiviti penyelidikan dan pembangunan serta inovasi baru bagi menangani Perubahan Iklim diberikan keutamaan dan dilaksanakan secara

berterusan oleh MPOB. Ini termasuk pengurangan GHG di semua sektor pengeluaran minyak sawit dan penggunaan biojisim sawit bagi mencapai pemuangan sifar.

Katanya sektor minyak sawit adalah salah satu Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) yang dikenal pasti oleh Kerajaan bagi melaksanakan transformasi ekonomi negara untuk mencapai status negara maju menjelang 2020.

Industri sawit Malaysia disasar menyumbang sebanyak RM178 bilion dalam pendapatan negara kasar berbanding RM53 bilion yang dicapai pada 2009 dan mewujudkan 41,000 peluang pekerjaan tambahan.

Lapan projek permulaan (EPP) bertujuan memastikan pembangunan industri mampan di sektor hulu dan hiliran dijelaskan. EPP aktiviti hulu adalah langkah bagi meningkatkan pengeluaran minyak sawit untuk memenuhi permintaan pasaran, antaranya melalui penggunaan bahan tanaman berkualiti.

"Antara langkah dilaksanakan untuk memastikan pembangunan mampan adalah amalan pembakaran sifar, pengurusan perosak bersepadu, amalan pertanian baik, penggunaan biojisim sawit sebagai sumber tenaga boleh diperbaharu dan pelaksanaan Program B5 di Wilayah Tengah, Semenanjung," katanya.

Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC), Tan Sri Dr Yusof Baisron semasa membentangkan kertas kerja berkata minyak sawit yang dihasilkan oleh Malaysia memenuhi ciri-ciri keselamatan makanan dan sebagai sumber utama bagi industri hiliran yang lain.

Beliau menjelaskan aktiviti pembangunan industri sawit secara mampan termasuk pemuliharaan kawasan hutan, biodiversiti dan hidupan liar seperti orang utan dilaksanakan ketika ini. Dana khas diperuntukkan untuk tujuan itu.

Dalam sesi perbincangan yang dipengerusikan oleh Tan Sri Bernard Dompok, beliau menegaskan Kerajaan Malaysia telus dan sentiasa mengadakan perbincangan terbuka dengan negara lain bagi menjelaskan usaha yang dilaksanakan. Pemuliharaan alam sekitar adalah penting kerana Malaysia juga adalah destinasi pelancongan yang menarik lebih 24 juta pelancong setiap tahun.

Aktiviti pameran turut diadakan oleh MPOB dan MPOC bagi memberi maklumat mengenai pembangunan industri sawit mampan negara.



TAN SRI Bernard Dompok menyampaikan ucapan sempena Persidangan Parti Konvensyen Rangka Kerja Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Perubahan Iklim Ke-17 (COP17) di Durban, Afrika Selatan.

Palm Oil Economic Review and Outlook Seminar 2012

Palm Oil: Maximizing Opportunities & Harmonizing Economic Imbalance

19 January 2012

Renaissance Hotel, Kuala Lumpur

Inaugurated by

YB TAN SRI BERNARD G. DOMPOK,
Minister of Plantation Industries and Commodities

Enquiries, please refer to:

Economics & Industry Development Division MPOB;
Eaishah (Tel : 603-78022903 / eaishah@mpob.gov.my)
Ayat Ab Rahman (Tel : 603-78022878 / ayat@mpob.gov.my)

For Registration:

HRD & Conference Management Unit
No.6, Persiaran Institusi, Bandar Bangi, 43000 Kajang, Selangor.
Tel: 603-8769 4867 / 4568 Fax : 603-8925 7549 / 8922 1743
Contact: Solehah - solehah@mpob.gov.my

Registration Fee
RM900
Prize Presentation
RM500



Malaysian Palm Oil Board
Ministry of Plantation Industries and Commodities



Minda

Datuk Dr Choo Yuen May
KETUA PENGARAH MPOB

Selamat tinggal 2011, selamat datang 2012

Tahun 2011 adalah titik yang penting dalam pembangunan sosio-ekonomi negara dengan pelancaran Program Transformasi Ekonomi (ETP) Negara di mana negara kita dirancang beranjak ke arah mencapai status negara maju menjelang 2020, dengan pendapatan perkapita USD15,000 setahun.

Industri sawit dikenal pasti sebagai salah satu daripada 12 Bidang Ekonomi Utama Negara (National Key Economic Area) (NKEA) yang diharapkan menjana peningkatan Pendapatan Negara Kasar (Gross National Income) daripada RM52.7 bilion pada 2009 kepada RM178 bilion pada 2020.

Peningkatan pendapatan negara akan dicapai melalui peningkatan produktiviti di peringkat hulu serta aktiviti nilai tambah di peringkat hiliran.

Adalah terlalu awal untuk menilai impak usaha-usaha yang telah dilaksanakan setakat ini. Bagaimanapun, di antara pencapaian pelaksanaan sejumlah lapan Projek Permulaan (Entry Point Projects) sektor sawit pada 2011 termasuk penanaman semula 75,000 hektar sawit (sasaran 100,000 hektar), penjualan 1831 penuai Cantas (sasaran 3,000 unit) penempatan 100 pegawai TUNAS (sasaran 100), penempatan 186 pegawai penguatkuasaan di kilang-kilang sawit (sasaran 186), penubuhan 11 buah kluster mampan pekebun kecil (sasaran 11), peningkatan bilangan loji biogas kilang sawit dari 28 ke 48 buah (sasaran 36), projek-projek oleokimia bernilai sebanyak RM81 juta (sasaran RM57.6 juta) dan penajanaan pendapatan tambahan RM22.8 juta (sasaran RM20 juta) untuk makanan dan produk kesihatan berasaskan pengkormesialan produk-produk teknologi MPOB.

Secara keseluruhannya, sektor sawit telah mencapai 94 peratus daripada sasaran yang telah ditetapkan bagi 2011. Di samping itu, seperti yang disasarkan, projek B5 iaitu adunan 5 peratus biodiesel sawit dengan 95 peratus diesel berjaya dilaksanakan di semua stesen minyak di Wilayah Tengah Semenanjung Malaysia, iaitu di Putrajaya, Melaka, Negeri Sembilan, Kuala Lumpur dan Selangor.

Pada 2011, isu-isu yang timbul termasuk niat Australia untuk melabel minyak sawit dalam produknya (yang memberi gambaran bahawa minyak sawit menjejaskan kesihatan dan dihasilkan secara tidak mampan) dan struktur cukai eksport Indonesia yang memberi kelebihan kepada produk sawit Indonesia dalam persaingan di pasaran antarabangsa.

Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK) dan agensi-agensi di bawahnya bersama pihak industri telah mengambil tindakan untuk menangani masalah ini.

Baru-baru ini, Amerika Syarikat, melalui Environmental Protection Agency (EPA) telah mengumumkan bahawa biodiesel berasaskan minyak sawit tidak memenuhi keperluan tahap pengurangan gas rumah hijau di bawah Renewable Fuels Standard 2 negara tersebut.

Ini bermakna biodiesel sawit akan menghadapi masalah untuk menembusi pasaran biodiesel Amerika Syarikat. MPOB bersama KPPK, MPOC dan pihak industri akan mengemukakan komen dan bantahan terhadap keputusan EPA ini.

Satu lagi isu yang telah menjejaskan industri sawit ialah penemuan varian CCCVd dalam tanaman sawit yang seterusnya menimbulkan isu kuarantin.

Regulasi kuarantin ini telah menyekat pergerakan bahan-bahan tanaman sawit di antara Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

MPOB telah bertindak untuk menubuhkan Pasukan Petugas CCCVd untuk menangani isu kritikal ini. Berkat usaha gigih MPOB, ketiga-tiga pihak Jabatan Pertanian (Semenanjung, Sabah, Sarawak) telah menarik balik regulasi kuarantin tersebut buat sementara.

Walaupun menghadapi cabaran-cabaran ini, namun, industri sawit kian maju pada tahun 2011. Jumlah eksport produk sawit mencapai nilai yang tertinggi dalam sejarah iaitu melebihi RM75 bilion berbanding RM59.8 bilion pada tahun 2010.

Harga purata minyak sawit mentah melebihi RM3,000 berbanding RM2,701 satu tan pada tahun 2011 (angka prestasi industri sawit 2011 akan diumumkan oleh MPOB pada 10 Januari 2012).

Pada tahun 2012, perkembangan industri sawit diharapkan akan berterusan. MPOB akan terus melaksanakan usaha-usaha NKEA secara gigih untuk meningkatkan produktiviti industri sawit serta mengembangkan pelaburan dalam sektor nilai tambah oleokimia, makanan berasaskan sawit dan biojisim sawit.

Pada masa sama, isu-isu yang membimbangkan industri akan diberi perhatian serius. Ini termasuk ancaman penyakit ganoderma dan penyakit reput pangkal bud rot disease, di mana penyelidikan akan digiatkan.

Untuk memastikan kita tidak ketinggalan dalam perkembangan teknologi, perhubungan rapat dengan institusi penyelidikan serta universiti tempatan dan antarabangsa akan sentiasa dikekalkan.

MPOB juga akan meningkatkan interaksi dengan industri sawit untuk memastikan bahawa penyelidikan dan pembangunan serta aktiviti-aktiviti lain dijalankan adalah seiring dengan kepentingan dan kehendak industri.

Dengan ini, semoga industri sawit sentiasa berdaya maju dan terus menyumbang kepada kesejahteraan negara. SELAMAT TAHUN BARU

choo@mpob.gov.my

POTS Afrika Selatan mampu kukuh eksport sawit negara

Permintaan dari Wilayah Afrika diramal terus meningkat

Oleh Johari Minal
johari@mpob.gov.my

JOHANNESBURG: Menteri Perusahaan Peladangan dan Komoditi, Tan Sri Bernard Dompok merasmikan Pameran Perdagangan dan Komoditi Malaysia-Afrika Selatan (POTS Afrika Selatan) yang diadakan di Sandton Convention Centre, Johannesburg, Afrika Selatan baru ini.

Ketika berucap merasmikan POTS, Tan Sri Bernard Dompok, berkata Afrika Selatan adalah negara penting dan sebagai pusat bagi pengguna minyak dan lemak di Wilayah Afrika untuk mendapat maklumat dan mengikuti perkembangan semasa serta isu-isu global berkaitan sawit.

Pada 2010, nilai eksport minyak sawit dan produk berasasnya ke Afrika Selatan meningkat sebanyak 39.9 peratus kepada RM635.2 juta, berbanding hanya RM454 juta pada tahun sebelumnya.

Sehingga September 2011, import minyak sawit negara ini mencapai 128,000 tan, iaitu peningkatan sebanyak 11 peratus berbanding dengan tempoh yang sama tahun lalu.

Tan Sri Bernard berkata, industri sawit Malaysia adalah industri yang mampan, mesra alam dan tidak memusnahkan alam sekitar disamping menyumbang kepada pembasmian kemiskinan penduduk negara.

"Syarikat perladangan sawit Malaysia juga banyak menganggotai organisasi Konferensi Minyak Sawit Lestari (RSPO) dan Kerajaan



TAN SRI Bernard Dompok menyampaikan ucapan sempena perasmian Pameran Perdagangan dan Komoditi Malaysia-Afrika (POTS- Afrika Selatan).

Malaysia komited untuk mengekalkan sekurang-kurangnya 50 peratus daripada bumi Malaysia sebagai hutan kekal," katanya.

Sebelum itu, Pengerusi MPOC, Dato' Lee Yeow Chor, turut berucap kepada 150 peserta terdiri daripada pedagang, pemborong, pengilang, pengimport minyak sawit dan peratusan pengguna.

Turut hadir Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May.

Lapan kertas kerja merangkumi pelbagai tajuk telah dibentangkan semasa seminar itu. Antaranya pembentangan oleh Thomas Mielke dari Oil World yang menghuraikan permintaan dan penawaran minyak dan lemak di pasaran global.

Dr Choo Yuen May turut membentangkan kertas kerja bertajuk 'Dynamic of the Malaysian Palm Oil Industry'. Beliau menjelaskan industri minyak sawit Malaysia adalah dinamik dan berdaya saing berbanding dengan minyak dan lemak lain di pasaran dunia.

Katanya, minyak sawit dihasil-

kan secara mampan melalui amalan secara pertanian yang baik dan selamat untuk dimakan. Sebagai institusi penyelidikan yang terulung, MPOB melaksanakan penyelidikan untuk menghasilkan minyak sawit mampan.

Antaranya menggalakkan pemasangan alat pemerangkap gas methana untuk menghasilkan tenaga elektrik. Teknologi lain yang dihasilkan termasuklah pengeluaran bahan tanaman berproduktiviti tinggi dan pemetaan genom sawit.

Dalam ucapan penutup, Dr Choo Yuen May menyatakan penghargaan kepada semua yang terbabit terutama pembiaya, pemsyarah dan peserta menjayakan POTS Afrika Selatan.

Beliau juga memuji langkah syarikat Willowton, syarikat pertama dari benua Afrika mengimport minyak sawit dari sumber yang mampan dan mengharapkan syarikat itu akan menjadi pencetus untuk lebih banyak syarikat tempatan mengikuti langkah syarikat berkenaan.

Rebut peluang niaga di Nigeria: Bernard

Oleh Johari Minal
johari@mpob.gov.my

LAGOS (Nigeria): Pelabur Malaysia disaran supaya merebut peluang melabur di sektor industri perladangan dan minyak sawit di Nigeria yang mempunyai saiz pasaran dan jumlah pengguna yang besar serta berpotensi untuk berkembang maju.

Nigeria, dengan jumlah penduduk melebihi 150 juta adalah antara negara yang mempunyai ekonomi terbesar di Afrika. Ia menawarkan peluang pelaburan dalam pelbagai bidang terutamanya dalam industri kelapa sawit.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tan Sri Bernard Dompok berkata demikian semasa berucap merasmikan Pameran dan Seminar Pelaburan Malaysia-Afrika (POTS- Afrika) di sini baru ini.

Beliau menyeru agar pelabur yang berminat dan peserta semi-

nar Nigeria serta Malaysia mengambil peluang untuk meningkat dan meneroka peluang-peluang baru perdagangan dan pelaburan di kedua-dua buah negara.

Sementara itu, Menteri Pertanian Persekutuan Nigeria, Dr. Akunwunmi Ayo semasa pertemuan dengan Tan Sri Bernard berkata Nigeria mempunyai banyak ladang-ladang sawit terbengkalai yang memerlukan suntikan modal untuk dibangunkan semula.

"Pelabur dari Malaysia dipelawa mengambil peluang untuk membangunkan ladang sawit baru atau membaikpulih ladang sedia ada."

Katanya, Nigeria memerlukan kepakaran Malaysia di dalam penanaman dan pengurusan ladang sawit secara komersil dan pada masa sama Nigeria bersedia memberi bantuan yang diperlukan untuk membangunkan industri sawit Nigeria.

Turut serta dalam perbincangan itu, Pesuruhjaya Pertanian Nige-

ria, Gbolahan Lawal, Menteri Negara, Bukar Tajini dan Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May juga membincangkan hubungan dua-hala dan langkah meningkatkan perdagangan antara dua negara.

Sehingga November 2011, eksport minyak sawit Malaysia ke Nigeria berjumlah hampir 300,000 tan. Jumlah ini tidak termasuk import minyak sawit dari negara lain.

Dr Akunwunmi Ayo berkata, pelaburan bagi penanaman sawit adalah perlu untuk mengurangkan kebergantungan kepada import. Nigeria akan terus mengimport minyak sawit bagi kegunaan dalam negeri.

Sebanyak sembilan kertas kerja merangkumi pelbagai isu telah dibentangkan di seminar tersebut. Antara pembentangnya ialah Dr. James Fry dari LMC International UK dan Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May.



Dekati pekebun kecil komoditi

KPPK menerusi Program Hello Komoditi bantu tingkat produktiviti

Oleh Che Johari Mamat
mjohari@mpob.gov.my

KUALA SELANGOR: Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK) melalui Program Hello Komoditi turun padang mendekati pekebun kecil bagi menyalur maklumat mengenai kepentingan sektor perladangan dan komoditi negara.

Program ini adalah usaha KPPK bersama agensi di bawahnya untuk membantu pekebun kecil dan penduduk setempat bagi meningkatkan produktiviti hasil tanaman komoditi yang meliputi sawit, getah, koko, lada, kayu-kayan, kenaf, tembakau dan sagu.

Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Hamzah Zainudin berkata demikian semasa berucap merasmikan program Hello Komoditi di Dewan Datuk Seri Dr Abu Hassan di sini baru baru ini.

Beliau berkata, Kementerian ini telah menjadualkan penganjuran program seumpama ini ke seluruh negara secara berperingkat bagi membolehkan pekebun kecil komoditi dan orang ramai berpeluang menyertainya.

“Selain itu, ia bertujuan mempromosi dan menarik minat golongan muda untuk menceburi bidang kerjaya di sektor perusahaan perladangan dan komoditi selepas mereka dewasa kelak.

“Melalui seminar dan pameran yang disediakan di bawah program ini, peluang kerjaya di sektor perladangan terutama di bidang agronomi, kejuruteraan, pengurusan ladang dan juga keusahawanan didedahkan untuk menarik minat orang ramai.

“Saya berharap orang ramai terutama golongan muda akan dapat mendapat maklumat yang tepat mengenai perkembangan dan peluang kerjaya yang ditawarkan disamping maklumat perkembangan setiap industri komoditi,” katanya.



DATU' Hamzah menyampaikan Lesen MPOB bagi Aktiviti Menjual dan Membeli Buah Sawit kepada pekebun kecil sawit sempena majlis perasmian Program Hello Komoditi.

Hamzah berkata, kerajaan baru ini meluluskan Dasar Industri Komoditi Negara (DIKN) bagi tempoh 2011-2020 yang menjelaskan secara khusus hala tuju dan strategi setiap sektor komoditi bagi memperkukuhkan lagi peranan dan sumbangan industri komoditi kepada pertumbuhan ekonomi negara.

“Teras utama DIKN adalah memberi penekanan kepada usaha menagrusperdanakan industri komoditi setaraf dengan sektor utama lain seperti sektor elektrik dan elektronik.

“Selain itu bagi mentransforma-

sikan sektor komoditi kepada pertanian baru yang membabitkan penggunaan teknologi dan inovasi moden, penghasilan produk yang berkualiti dan memenuhi kehendak pasaran di samping menjadikan Malaysia sebagai pusat kece-merlangan komoditi menjelang tahun 2020,” katanya.

Kerajaan yakin melalui pelaksanaan DIKN itu akan melonjakkan lagi kemajuan sektor perladangan dan komoditi dan sekali gus menyumbang ke arah merealisasikan hasrat menjadikan Malaysia sebuah negara berpendapa-

tan tinggi menjelang 2020.

Hamzah berkata, pada 2010, komoditi utama menyumbang pendapatan eksport kepada negara sebanyak RM113.20 bilion iaitu kedua terbesar selepas petroleum dan gas.

Turut menyertai acara pameran sempena program itu, Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Lembaga Getah Malaysia (LGM), Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MITB), Lembaga Koko Malaysia (LKM), Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (LK&TN) dan Lembaga Lada Malaysia (LKM).

Eksport biojisim RM300 juta

Eksport produk biojisim ke Eropah dan pelaburan rantau itu di Malaysia, khususnya dalam sektor biojisim, berpotensi melepasi paras RM300 juta. Ketua Perwakilan Kesatuan Eropah (EU) ke Malaysia, Vincent Picket berkata anggaran ini diasaskan kepada pertanyaan yang diterima oleh EU daripada syarikat Eropah melalui program biayaan EU - Pengeluaran Mampan Industri Biojisim di Malaysia: Mengoptimum Potensi Ekonomi dan Menuju ke Arah Rantaian Nilai Lebih Tinggi. Picket berkata pembeli-pembeli berminat terhadap produk biokomposit yang terutamanya diperbuat daripada pelet biojisim sawit, tempurung isirung sawit dan sekam padi.

Penyenaraian FELDA di Bursa Malaysia April

Penyenaraian FELDA Global Ventures Holdings (FGVH) di pasaran utama Bursa Malaysia dijangka dapat dilaksanakan menjelang April tahun depan, kata Presiden Kumpulan FELDA Global, Datuk Sabri Ahmad. Katanya, FGVH telah melantik lima bank pelaburan, iaitu dua bank tempatan dan tiga bank antarabangsa, bagi menguruskan proses penyenaraian tersebut. Katanya Koperasi Permodalan FELDA (KPF) yang dianggotai oleh peneroka FELDA dan kini mempunyai kepentingan terbesar dalam FELDA, akan mendapat manfaat besar menerusi penyenaraian tersebut. FGVH akan membantu peneroka termasuk menyediakan borang bagi proses pembelian saham.

KSU lawat loji rintis rawatan sisa sawit

Oleh Dr Astimar Abdul Aziz
astimar@mpob.gov.my

LABU: Ketua Setiausaha Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datin Paduka Nurmalia Abdul Rahim, turun padang melawat dan melihat sendiri status pembinaan Loji Rintis Rawatan Sisa Sawit di Pusat Teknologi Kilang Sawit (POMTEC), di sini, baru baru ini.

Loji Rintis Rawatan Sisa Sawit itu adalah projek di bawah Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK-10) yang dirancang pembinaannya bagi mempertingkatkan kemudahan penyelidikan rawatan tertiaris sisa (efluen) kilang sawit.

Sewaktu taklimat, Nurmalia dimaklumkan, sistem rawatan yang

sedia ada pada masa ini tidak mampu mengurangkan kandungan Keperluan Oksigen Biokimia (BOD) ke paras bawah 20 mg/l seperti ditetapkan Jabatan Alam Sekitar.

Memandangkan Jabatan Alam Sekitar akan menguatkuasakan pematuhan pelepasan BOD pada paras 20 mg/l dalam jangka masa terdekat, MPOB sebagai agensi yang bertanggungjawab dalam aspek ini perlu bersedia menjalankan penyelidikan dan membangunkan teknologi yang berupaya menangani masalah itu.

Nurmalia dimaklumkan, beberapa teknologi maju dikenal pasti dan akan dibangunkan di loji rintis itu. Teknologi rawatan sisa sawit itu akan disepadukan dengan projek penghasilan semula sumber yang

mempunyai nilai tambah yang tinggi seperti baja organik, protein bersel tunggal, bio-pellet dan karbon teraktif.

Satu lagi strategi adalah mengadakan latihan kepada kakitangan pengendali rawatan sisa kilang sawit bagi mempertingkatkan sistem rawatan sekali gus meningkatkan kualiti sisa buangan kilang sawit.

Nurmalia juga dimaklumkan bahawa kos keseluruhan bagi membangunkan loji rintis itu dan projek berkaitannya di bawah RMK-10 adalah RM14.9 juta.

Turut hadir pada lawatan itu, Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May dan Timbalan Ketua Pengarah (Perkhidmatan), Ahmad Sidek Stroo.



LOJI Rintis Rawatan Sisa Sawit di Pusat Teknologi Kilang Sawit (POMTEC), Labu, Negeri Sembilan.



Minyak B5 mesra alam semulajadi

Penggunaan bahan api biodiesel mampu kurangkan kadar pelepasan gas rumah hijau

BERMULA 1 Jun 2011, penggunaan B5 bagi sektor pengangkutan mula dikuatkuasakan di Wilayah Tengah dengan pelancaran penggunaan B5 di Putrajaya oleh Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tan Sri Bernard Dompok.

Pelancaran berikutnya dilakukan di peringkat negeri Melaka, diikuti Negeri Sembilan, Kuala Lumpur dan Selangor.

Pelancaran penggunaan biobahan api B5 secara mandatori di Wilayah Tengah berakhir di peringkat Selangor bagi penggunaan sektor pengangkutan bermula pada 1 November 2011.

Pelancaran penggunaan B5 di peringkat Selangor adalah fasa kelima perluasan penggunaan biobahan api itu di Wilayah Tengah sekali gus menandakan B5 telah dilaksanakan di seluruh Wilayah Tengah.

Berikut adalah jawapan Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May kepada soalan yang diajukan oleh Berita Sawit mengenai penggunaan B5 dan kesan ke atas kenderaan dan alam sekitar.

? APAKAH B5 dan mengapa ia dilaksanakan secara mandatori .

BIOBAHAN api B5 adalah adunan lima peratus biodiesel sawit (metil ester sawit) dan 95 peratus diesel petroleum. Penggunaan B5 memberi kesan baik kepada industri minyak sawit terutama dari segi penstabilan permintaan dan harga minyak sawit; dan pada masa yang sama meningkatkan imej negara pada peringkat antarabangsa.

Perubahan iklim dan pemanasan global yang melanda dunia mencetuskan kebimbangan banyak pihak tentang bahaya fenomena ini kepada bumi dan kehidupannya. Peningkatan paras air laut, gelombang haba, banjir, taufan, glasier (salji) yang cepat cair, dan gangguan sistem ekologi antara petanda bahawa bumi dalam bahaya.

Menyedari bahaya fenomena ini, kerajaan mengambil langkah manganannya dengan mengumumkan komitmen secara sukarela pengurangan pelepasan intensiti gas rumah hijau (GHG) sehingga 40 peratus menjelang 2020 berbanding kadar pelepasan GHG pada 2005.

Komitmen itu diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak sempena Persidangan Perubahan Iklim anjuran Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) di Copenhagen, Denmark pada 2009.

Salah satu inisiatif yang giat dilaksanakan untuk mencapai pengurangan gas rumah hijau adalah dengan memperkenalkan program bahan bakar B5 bagi mengurangkan penggunaan diesel petroleum.

Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) telah diberi tanggungjawab menjalankan kajian mereali-



TAN Sri Bernard Dompok ketika melancar penggunaan B5 pada peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

sasikan penggunaan B5 dalam menyumbangkan kepada persekitaran lebih bersih untuk generasi akan datang.

? APAKAH kebaikan-kebaikan B5, minta Datuk jelaskan.

PENGGUNAAN biobahan api B5 didapati banyak mendaatkan kebaikan jika dibandingkan dengan diesel petroleum. B5 berupaya mengurangkan kadar pelepasan gas rumah hijau (GHG) dan menjamin persekitaran yang mesra alam. Di antaranya ialah mengurangkan pencemaran udara seperti bahan hidrokarbon, karbon monoksida, sulfur dioksida dan asap.

Penggunaan bahan api daripada sumber petroleum dan arang batu mengakibatkan pencemaran alam sekitar yang mengancam penduduk dunia.

Kajian menunjukkan bahawa pelaksanaan biobahan api B5, dianggarkan dapat mengurangkan GHG sebanyak 1.53 juta tan karbon dioksida (CO₂) setahun. Gas rumah hijau termasuk karbon dioksida adalah salah satu penyumbang pemanasan global kerana memerangkap

haba dan mengakibatkan peningkatan suhu bumi.

Dengan pengurangan pelepasan GHG, ia dapat mengurangkan impak terhadap persekitaran dan menjadikannya lebih bersih. Ia amat bertepatan dengan visi Dasar Bio Bahan Api Negara yang menggalakkan penggunaan sumber tenaga alternatif yang mesra alam, mampan dan berdaya maju bagi mengurangkan pergantungan kepada bahan api fosil yang semakin menyusut.

Kerajaan bersama industri sangat komited terhadap usaha mengurangkan GHG dan ia akan mempertingkatkan lagi imej minyak sawit sebagai produk mesra alam di mata dunia. Pelaksanaan program B5 adalah inisiatif kerajaan ke arah penggunaan teknologi hijau bagi mengurangkan pelepasan GHG.

Biodiesel juga mengandungi nombor setana yang boleh meningkatkan prestasi enjin.

? APAKAH perbezaan antara diesel petroleum dan biodiesel? Boleh Datuk jelaskan secara ringkas.

DIESEL petroleum adalah diesel yang dihasilkan dari fosil dan digunakan sebagai bahan api pada kenderaan berenjin diesel.

Diesel petroleum dihasilkan melalui proses penyulingan berperingkat minyak mentah petroleum di kilang penapisan petroleum, manakala biodiesel (ester metil) pula dihasilkan melalui tindak balas kimia transterifikasi antara minyak atau lemak dengan metanol di kilang biodiesel.

Di Amerika Syarikat, industri biodiesel adalah berasaskan minyak kacang soya, manakala di Negara Kesatuan Eropah menggunakan minyak biji sesawi.

? SILA jelaskan kajian yang telah dilakukan bagi penghasilan B5 ?

KAJIAN yang menyeluruh telah dilakukan ke atas biodiesel sawit sebagai biobahan api untuk kegunaan enjin diesel. Hasil yang diperolehi menunjukkan penggunaan biobahan api adalah setanding dengan enjin yang menggunakan diesel petroleum, malah B5 lebih baik dari segi pengurangan pencemaran alam sekitar.

Kajian penghasilan dan penggunaan biodiesel daripada minyak sawit bagi kenderaan diesel dilakukan sejak 1980-an yang membawa kepada pengkomersialan teknologi pengeluaran biodiesel.

Bahkan pada 1990 hingga 1994 kajian bersama syarikat permotoran gergasi Jerman, Mercedes Benz membuktikan penggunaan biodiesel sawit sesuai digunakan untuk enjin diesel. Sebagai langkah percubaan, penggunaan biodiesel sawit yang diadun bersama petroleum diesel dikenali B5 mula dilaksanakan dengan membabitkan kenderaan dua agensi kerajaan iaitu Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL). Penggunaan biobahan api B5 pada kenderaan ATM dan DBKL dibekalkan dari 'Klang Valley Distribution Terminal' (KVDT), Dengkil yang melibatkan kerjasama Petronas.

Dalam projek perintis itu, lebih 3,900 kenderaan diesel menggunakan bahan api B5 dan didapati tiada sebarang masalah enjin.

LIHAT MUKA 5

Peneroka dapat durian runtuh

Peserta skim SITS dari enam Rancangan FELDA di Johor terima cek

Oleh Aedham Asmaon
aedham@mpob.gov.my

KLUANG: Peneroka dari enam Rancangan FELDA di Johor, iaitu Felda Ulu Penggeli, Ulu Dengar, Inas Utara, Taib Andak, Bukit Permai dan Sri Ledang menerima cek bayaran rayuan Skim Insentif Tanam Semula (SITS).

Cek bayaran disampaikan Pengerusi MPOB, Dato' Seri Utama Shahrir Abdul Samad di Dewan Semai Bakti FELDA Ulu Penggeli baru ini. Turut hadir ialah Timbalan Ketua Pengarah MPOB (Perkhidmatan), Ahmad Sidek Stroo.

Shahrir ketika berucap pada majlis penyampaian cek berkata, insentif ini bertujuan menggalakan pekebun kecil menebang pokok sawit tua bagi menanam dengan benih berpenghasilan tinggi.

Bantuan SITS yang disalurkan kerajaan melalui MPOB menyediakan bayaran RM1,000 sehektar untuk tempoh 1 Disember 2008 hingga Jun 2009 kepada penanam sawit yang menebang pokok sawit tua.

Memandangkan terdapat penanam yang menebang di luar tempoh itu tidak layak menerima SITS, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK) bersama MPOB menerima banyak rayuan daripada penanam sawit termasuk peneroka Felda.

"Atas dasar 'Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan', Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak bersetuju meluluskan permohonan rayuan skim itu terutama daripada pekebun kecil dan peneroka FELDA,



Dato' Seri Utama Shahrir menyampaikan cek bayaran SITS kepada Pengurus Rancangan FELDA Ulu Penggeli. Turut kelihatan Timbalan Ketua Pengarah (Perkhidmatan), Ahmad Sidek Stroo (kiri).

termasuk penerima cek bayaran pada hari ini," kata Shahrir.

Shahrir berkata, kerajaan melalui MPOB sedang giat melaksanakan pelbagai langkah memajukan untuk meningkatkan produktiviti industri sawit bagi menjana pendapatan kepada ekonomi negara.

Di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP) yang bermatlamat untuk mencapai status negara berpendapatan tinggi, kerajaan mengenalpasti industri sawit sebagai salah satu Bidang Utama Ekonomi Negara (NKEA).

Sebanyak lapan projek permu-

laan (EPP) dikenal pasti merangkumi sektor huluan dan hiliran industri sawit dilaksanakan untuk tujuan itu. Kerajaan menyasarkan industri sawit berupaya menjana

FAKTA NOMBOR

RM1,000
sehektar

Disediakan kerajaan melalui MPOB kepada penanam sawit yang menebang pokok sawit tua

RM178 bilion kepada Pendapatan Kasar Negara menjelang 2020 berbanding RM52.7 bilion pada 2009.

Pada majlis itu juga, Shahrir menyerahkan mesin penuai buah sawit bermotor (Cantas) kepada penanam sawit yang diluluskan pembelian melalui Skim Diskaun Cantas (SKIDIC).

Pembeli yang diluluskan SKIDIC mendapat potongan harga sebanyak RM1,000 bagi setiap unit Cantas yang dibeli.

Shahrir menggesa semua pekebun kecil mengambil peluang membeli Cantas pada harga diskaun yang ditawarkan.

Polis, MPOB rampas minyak sawit sedutcuri

Oleh Mohd Zaini Ariffin
zaini@mpob.gov.my

JOHOR BAHRU: Polis dengan kerjasama MPOB membuat serbuan dan merampas 4.7 tan minyak sawit dianggarkan bernilai RM14,000 yang dipercayai hasil dari kegiatan haram sindiket sedutcuri di sini baru-baru ini.

Serbuan dan rampasan itu adalah susulan dari 'Soft Launching' Operasi Pemutihan Minyak Sawit Ke-2 yang disempurnakan oleh Ketua Polis Negara pada 10 November 2011 lalu bagi menghapus kegiatan sedut curi minyak sawit dari lori tangki semasa pengalihan.

Kegiatan sedut curi minyak sawit dari lori tangki semasa perjalanan ke destinasi kilang penapis dan pusat simpanan di pelabuhan menjadi sasaran utama kegiatan itu yang didalangi oleh sindiket haram dan individu yang tidak bertanggungjawab.

Kegiatan dan aktiviti sindiket haram yang tidak berlesen dengan MPOB itu dipercayai mengaut keuntungan mencecah ratusan ribu ringgit memandangkan harga komoditi berada di paras melebihi RM3,200 satu tan pada masa kini.

Aktiviti sindiket ini jika dibiarkan akan juga mengancam dan mengakibatkan berlakunya pencemaran minyak sawit yang bukan sahaja membahayakan kesihatan pengguna malah menggugat kestabilan industri dan ekonomi negara.

Sebahagian besar minyak sawit yang diproses menghasilkan produk makanan. Sekiranya minyak sawit yang tercemar itu diproses dan menghasilkan produk makanan, ia akan membahayakan pengguna dan menjatuhkan imej

▶ LIHAT MUKA 8

Rata-rata pengguna puas hati dengan prestasi biodiesel B5

▶ DARI MUKA 4

? MINTA Datuk jelaskan reaksi penggunaan B5 oleh pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur?

MAKLUMBALAS diterima daripada pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mengatakan hampir keseluruhan kenderaan diesel dimiliki DBKL menggunakan B5 sejak Februari 2009. Sehingga kini, terdapat kira-kira 900 kenderaan seperti lori, jentera, pacuan empat roda dan banyak lagi menggunakan bahan api biodiesel B5.

Pada 2010, MPOB bersama DBKL menjalankan kaji selidik mengenai penggunaan bahan api biodiesel B5 dan mendapati ia tidak mendatangkan masalah kepada enjin kenderaan. Kebanyakan pengguna berpuas hati dengan prestasi bahan api berkenaan.

Pemandu kenderaan ringan

DBKL yang ditanya mengenainya memaklumkan perbezaan ketara dapat dirasai ketika memandu menggunakan B5 dari aspek pengurangan asap dari kenderaan. Sebelum penggunaan B5, asap yang dikeluarkan kenderaan lebih tebal tetapi selepas menggunakan B5, pengeluaran asap berkurangan dan membuktikan ia lebih mesra alam.

Mereka juga tidak berdepan dengan sebarang masalah kerosakan enjin apabila menggunakan B5, malah kenderaan yang dipandu lebih lancar. Kebanyakannya, berpuas hati dengan bahan api baharu kerana mendatangkan kebaikan kepada alam sekitar.

Begitu juga maklum balas daripada pemandu jentera berat DBKL memaklumkan dia dapat merasai kuasa enjin lebih pikap berbanding menggunakan diesel petroleum. Didapati pembakaran bahan api yang lebih lancar.

? BOLEH Datuk jelaskan status penggunaan B5 di seluruh Wilayah Tengah?

PENGGUNAAN B5 di Wilayah Tengah sudah selesai dilancarkan dengan pelancaran peringkat Negeri Selangor pada 1 November 2011 lalu. Terdahulu dari itu, program penggunaan B5 dilancarkan di Putrajaya, Melaka, Negeri Sembilan dan Kuala Lumpur.

Penggunaan biodiesel sawit bagi keseluruhan Wilayah Tengah dianggarkan sebanyak 6,587 tan atau 7.62 juta liter sebulan dengan pembabitan 1,150 buah stesen minyak di seluruh Wilayah Tengah. Dari jumlah itu, sebanyak 634 stesen minyak adalah di Selangor yang membabitkan lebih kurang 4,187 tan atau 4.85 juta liter biodiesel sawit akan digunakan setiap bulan.

Penggunaan B5 di seluruh Wilayah Tengah berupaya menjimatkan lebih kurang 91.5 juta liter

minyak petroleum fosil setahun dan sebanyak 58.2 juta liter penjimatan minyak bagi Negeri Selangor.

Kerajaan melalui MPOB memperuntukkan sejumlah RM43.1 juta untuk pembinaan kemudahan pengadunan di enam (6) depoh petroleum di Wilayah Tengah. Pada masa yang sama, MPOB akan terus mengambil langkah proaktif memantau peraturan adunan B5 di stesen minyak bagi Putrajaya, Melaka, Negeri Sembilan, Kuala Lumpur dan Selangor untuk memastikan biobahan api B5 yang dijual di pasaran menepati kadar peraturan pengadunan yang ditetapkan.

? APAKAH rancangan seterusnya? Pohon Datuk jelaskan.

SUSULAN kejayaan Program B5 di Wilayah Tengah, kini Kerajaan melalui MPOB sedang merancang untuk mengembangkan

penggunaan bio-bahan api ini ke seluruh negara termasuk sektor industri.

Untuk tujuan itu, kerajaan akan terus bekerjasama dengan lima syarikat petroleum iaitu Petronas Dagangan Berhad, Shell Malaysia Trading Sdn Bhd, Esso Malaysia Berhad, Chevron Malaysia Limited dan Boustead Petroleum Marketing Sdn Bhd bagi penyediaan sistem pengadunan secara in-line di depoh seluruh Malaysia.

Kerajaan juga menetapkan harga jualan B5 ini sama dengan harga minyak diesel masa kini, iaitu RM1.80 seliter dan subsidi akan terus diberikan bagi perbezaan harga itu.

Program penggunaan B5 mensasarkan 500,000 tan minyak sawit mentah setiap tahun akan digunakan bagi seluruh negara sekali gus membantu industri mengurangkan jumlah paras stok minyak sawit.



WAHAB bersama trofi dan replika cek RM10,000 Anugerah Pekebun kecil Terbaik MICCOS 2011.



INTEGRASI ternakan lembu dengan sawit.



INTEGRASI ternakan kambing.

Wahab terima anugerah industri sempena MICCOS 2011

Bimbingan dan nasihat daripada pegawai TUNAS MPOB berjaya bantu beliau jadi pekebun sawit, penternak cemerlang

Che Johari Mamat
mjohari@mpob.gov.my

Ab Wahab Ismail, 71, terpilih menerima Anugerah Industri Komoditi dan Perladangan bagi Kategori Pekebun Kecil Terbaik sempena majlis persembaan Malaysian International Commodity Conference and Showcase (MICCOS) 2011 anjuran Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK).

Anugerah itu diberikan sebagai pengiktirafan dan sumbangan beliau sebagai model kepada pekebun kecil seluruh negara terutama berjaya meningkatkan pendapatan dan taraf sosio-ekonomi keluarganya melalui penanaman sawit.

Beliau menerima piala dan cek bernilai RM10,000 daripada Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tan Sri Bernard Dompok pada majlis persembaan MICCOS 2011.

Ketika ditemubual, beliau mengimbas semula pengalaman bersama beberapa rakan tergeda dengan prospek pokok sawit yang dianggap pihak yang membuat promosi di daerahnya, beliau turut berkira-kira menyertainya, malah mula membersihkan tanahnya seluas kira-kira lapan ekar (kira-kira 3.2 hektar) yang sebelum ini sudah menjadi hutan untuk diisi dengan pokok dari spesies balak itu.

Satu daripada masalah adalah berkaitan baja. **Saya masih kurang pengetahuan dalam perkara ini. Saya guna baja sebatian NPK. Bila ada orang cakap pula ada baja jenis lain yang baik, saya pun ikut sehinggalah saya pernah mendapatkan baja dari Dungun, Terengganu kerana mendengar pandangan diberikan juga kerana kesukaran mendapatkan baja.**

AB Wahab Ismail
Penerima Anugerah Industri Komoditi dan Perladangan

Namun, pertemuan dengan Pengurus Besar Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Bentong, Pahang, mengubah corak ngan Ab Wahab dan beliau dinasihatkan menanam kelapa sawit atas alasan pokok sawit tidak dapat memberi hasil seperti diharapkan.

"Waktu itu tahun 2000. Oleh kerana tanah sudah dibersihkan, saya terus menampah kira-kira 500 anak benih kelapa sawit yang ketika itu berharga RM6.30 sepokok dari Pertubuhan Peladang Negeri Pahang (PSAFA)," katanya ketika ditemui di rumahnya di Kampung Pagar Sasak, Kechnau, Kuala Lipis, Pahang, baru-baru ini.

Usaha Abdul Wahab mula memberikan pulangan selepas dua tahun setengah menanam. Bagaimanapun hasil diperoleh tidaklah kan kerana beberapa masalah dalam mengurus dan menyelenggara kebun yang dihadapinya.

"Satu daripada masalah adalah berkaitan baja. Saya masih kurang pengetahuan dalam perkara ini. Saya guna baja sebatian NPK. Bila ada orang cakap pula ada baja jenis lain yang baik, saya pun

ikut sehinggalah saya pernah mendapatkan baja dari Dungun, Terengganu kerana mendengar pandangan diberikan juga kerana kesukaran mendapatkan baja.

"Sehinggalah pada 2005 yang mana ketika itu saya juga Ahli Jemaah Pengarah PPK Kuala Lipis bertemu dengan Pegawai TUNAS Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Engku Norsupian Ardi Engku Nordin, yang memberikan saya penerangan amat berguna terhadap usaha pertanian yang dijalankan," katanya.

Beliau memberitahu, Engku Norsupian Ardi banyak memberikan bimbingan kepadanya dalam soal penjagaan pokok dan pengurusan kebun terutama berkaitan baja dan mengesyorkan menggunakan baja.

"Masa beliau datang melawat kebun, daun pokok sawit saya banyak yang kuning kesan penyelegaraan yang tidak begitu teratur dan selepas nasihat di sebeti, saya pun mulakan pemuliharaan dilakukan perubahan mula kelihatan selain hasil yang dikeluarkan memampakan peningkatan," katanya.

Pertemuan dengan Engku Norsupian Ardi membuatkan Abdul Wahab mula menggunakan baja sebatian MPOB F1. Beliau melakukan pembajaan melalui dua kaedah iaitu serakah dan bulatan

seluas lapan ekar itu semata-mata. Sebaliknya, ia meningkatkan 'keghairahannya' untuk terus menambah pendapatan keluarga.

Justeru pada 2008 Abdul Wahab mengambil keputusan mengusahakan sendiri kebun kelapa sawit seluas 15 ekar miliknya yang sebelum ini diusahakan sebuah agensi pemuliharaan tanah.

"Sebelum ini hasil yang saya peroleh sangatlah kecil dan apabila saya mengusahakan sendiri dan selepas ditolak kos apa yang saya dapat jauh lebih baik," kata Abdul Wahab yang terpaksa mengeluarkan belanja lima angka untuk mendapatkan semula hak mengusahakan tanahnya itu.

Ditanya mengapa beliau memberikan tanah yang agak luas untuk diusahakan pihak lain, Abdul Wahab berkata: "Masa tu tahun 80-an... yalah orang kampung, tak berape nak faham, nak usahakan pun tak ada kudrat dan tak berapa nak pandai.

"Masa saya usahakan kebun saya yang lapan ekar tu saya sudah 90 tahun, syukur saya dapat melakukannya. Bagaimanapun ini juga adalah hasil dorongan dan bimbingan yang diberikan Engku Norsupian," katanya ketika ditemubual.

Hasil komitmen yang ditunjukkan terhadap bimbingan MPOB, kira-kira dua tahun lalu, Abdul Wahab diberikan 11



HASIL tandan buah sawit dari kebun Wahab.

baka kambing Boer terdiri daripada seekor jantan dan sepuluh betina untuk dibiakkan melalui kaedah integrasi sawit dan kambing.

Ia adalah tambahan kepada ternakan lembu yang diusahakan, hasil hadiah diperoleh kerana dipilih sebagai Pelandang Jaya Lelaki dalam tanaman kelapa sawit. Abdul Wahab turut mengusahakan tanaman getah seluas 22 ekar, dusun buah-buahan seluas

enam ekar dan kedai runcit.

Sementara itu, Pegawai TUNAS, Engku Norsupian Ardi berkata, pada awalnya beliau mengambil masa untuk meyakinkan Abdul Wahab untuk mengikut kaedah penanaman yang disyorkan MPOB, namun selepas beberapa sesi pertemuan Abdul Wahab mula yakin dan dapat mengikutinya.

"Kehadiran kami (TUNAS MPOB) adalah untuk membantu kerana tanpa ka-

edah betul pekebun sukar mendapat hasil yang tinggi dan ini merugikan mereka selain memberi risiko kepada tanaman," katanya.

Kini Abdul Wahab mampu menarik nafas lega melihat hasil kesungguhan dilakukan dalam mengusahakan tanaman sawit dan beliau berharap dapat menurunkan ilmu dimiliki kepada anak-anaknya.

"Apa pun, ini semua hasil bimbingan pegawai TUNAS MPOB," katanya.



NKEA sawit pacu ekonomi Malaysia

Transformasi strategi jangka panjang ke arah negara berpendapatan tinggi menjelang 2020

Oleh Adzmi Hassan
adzmi@mpob.gov.my

PENGENALAN Bidang Ekonomi Utama Negara Minyak Sawit atau lebih dikenali sebagai 'NKEA sawit' adalah strategi jangka panjang kerajaan untuk memacu ekonomi Malaysia ke arah negara berpendapatan tinggi menjelang 2020.

NKEA adalah sebahagian daripada Program Transformasi Ekonomi (ETP) yang menjadi agenda penting dalam Program Transformasi Kerajaan (GTP).

Secara keseluruhan GTP mensasarkan Malaysia sebuah negara maju dengan Pendapatan Negara Kasar (PNK) per kapita meningkat dari USD6,000.00 kepada USD12,000.00 pada kadar pertumbuhan Negara Kasar sebanyak 6 peratus setahun.

Indikator kepada negara maju dilihat kepada dasar yang diperkenalkan untuk merencanakan pembangunan ekonomi sesebuah negara. Penggubalan dasar baru melalui ETP sebagai wadah untuk merencanakan pembangunan ekonomi Malaysia melalui pengenalpastian bidang-bidang utama sektor ekonomi yang di percayai boleh menjadi pemangkin pencapaian sasaran negara maju.

Sebagai penyumbang keempat terbesar kepada ekonomi Malaysia,

Industri Minyak Sawit adalah komoditi keluaran tempatan telah dikenal pasti dan diyakini sebagai satu bidang ekonomi utama Negara (NKEA) yang perlu ditransformasikan merangkumi keseluruhan rantaian nilai dari aktiviti perladangan sehingga kepada produk siap.

Makmal NKEA yang membabitkan pemikir dari penggubal dasar kerajaan dan pihak industri sawit mengenal pasti lapan projek permulaan (EPP) di mana lima (5) di peringkat hulu dan tiga (3) di peringkat hiliran.

Penggubalan EPP diasaskan kepada penyelesaian halangan operasi yang membantut pencapaian potensi sebenar industri minyak sawit. Pelaksanaan EPP meletakkan sektor swasta sebagai penggerak utama di dalam memacu pembangunan industri sawit. Oleh itu EPP adalah satu pelan tindakan yang bersepadu antara kerajaan dan swasta bukan lagi satu perancangan.

MPOB sebagai agensi yang bertanggungjawab membangunkan industri minyak sawit telah diberi tanggung jawab mengurus pelaksanaan tujuh EPP di bawah NKEA sawit yang digubal, manakala satu ETP adalah inisiatif pihak swasta.

Pelaksanaan EPP ini tidak menjadi masalah kepada MPOB kerana penggubalan EPP adalah selari dengan Pelan Strategi MPOB yang

fokus kepada pembangunan tiga perkara asas iaitu strategi meningkatkan produktiviti, strategi pembangunan sifar dan strategi pertambahan nilai melalui kemajuan penyelidikan yang bertaraf dunia dan perkhidmatan yang efisien.

Dengan penggubalan EPP sasaran dan aspirasi sektor sawit lebih diperincikan dan memudahkan pencapaian Pelan Strategi MPOB. EPP mensasar peningkatan sumbangan industri sawit kepada PNK sebanyak RM125.3 bilion daripada RM52.7 bilion (2009) kepada RM178 bilion menjelang 2020.

EPP yang berorientasikan penyelesaian masalah semasa mampu:

- Meningkatkan pendapatan pekebun kecil persendirian kelapa sawit sebanyak 47 peratus;
- Meningkatkan produktiviti tenaga buruh tempatan dengan penggunaan mekanisasi ladang seterusnya mengurangkan 15-20 peratus penggantungan kepada buruh asing; dan
- Menguasai permintaan minyak sawit global yang semakin meningkat.

EPP telah disasar menjana RM47.1 bilion Pendapatan Negara kasar. Ini membabitkan pelaksanaan lapan (8) EPP di mana lima (5) di peringkat hulu yang akan menjana PNK RM33.1 bilion manakala tiga di peringkat hiliran yang men-

jana PNK RM14 bilion.

Di peringkat hulu EPP digubal dengan matlamat peningkatan produktiviti dan kemampunan sektor hulu industri sawit seperti:

- EPP 1 - Mempercepatkan penanaman semula kelapa sawit
- EPP 2 - Mempertingkatkan hasil buah tandan sawit (BTS)
- EPP 3 - Mempertingkatkan produktiviti pekerja
- EPP 4 - Meningkatkan kadar perahan minyak sawit
- EPP 5 - Membangunkan bio-gas dikilang kelapa sawit.

Manakala di peringkat hiliran industri sawit, EPP digubal dengan bermatlamatkan perkembangan dan kemampunan sektor hiliran sawit seperti:

- EPP 6 - Membangunkan derivative oleo
- EPP 7 - Mengkomersialkan bio-bahan api generasi kedua
- EPP 8 - Mempercepatkan pertumbuhan sektor hiliran berasaskan makanan.

Di samping EPP, industri sawit dengan dokongan dan inisiatif swasta digalak di bawah ETP menerokai peluang perniagaan menjangkakan pulangan kepada PNK RM74.6 bilion. Ini membabitkan:

- 1) Pengembangan aktiviti hulu sedia ada melalui pengembangan

syarikat perladangan Malaysia di luar negara dan pertumbuhan organik dalam tahap hasil

2) Pembangunan aktiviti hiliran sedia ada melalui pengembangan oleo asas dan kos operasi yang lebih rendah

3) Pembangunan aktiviti bio-Diesel Nasional melalui pembangunan aktiviti bio-diesel Negara hasil dari penggubalan dasar bio-bahanapi Negara yang menetapkan kadar penggunaan bio-bahanapi pada kadar 5 peratus (B5) secara mandatori dalam penggunaan minyak diesel di pasaran.

Secara keseluruhan Projek Transformasi Ekonomi Industri sawit mensasarkan peningkatan kepada PNK sebanyak RM125.3 bilion di mana lapan EPP akan menjana PNK sebanyak RM47.1 bilion, peluang perniagaan baru sebanyak RM74.6 bilion dan kesan pengandaian ekonomi (economic multiplier) sebanyak RM3.6 bilion. Di samping sasaran peningkatan dalam PNK, pelaksanaan projek permulaan akan mewujudkan sejumlah 122,400 peluang pekerjaan.

(Penulis adalah Pegawai Implementasi Projek(PIP) NKEA dan bekas Pengarah Bahagian Pelesenan dan Penguatkuasaan MPOB) Bersambung dalam Berita Sawit bulan depan.

TAWARAN HEBAT

SKIM DISKAUN CANTAS™ (SKIDIC)



JIMAT RM1000!!!!
Untuk setiap unit pembelian Pematang Sawit Bermotor (Cantas™)

KEGUNAAN CANTAS™

Untuk menuai tandan dan memotong pelapah sawit serta kebuki smat berkesan meningkatkan keberkesanan penemuan.

KERBAIKAN CANTAS™

- **Pantas** - masa bekerja yang cepat, dapat menuai lebih banyak tandan sawit dan boleh melakukan kerja-kerja lain serentak.
- **Jimat Tenaga** - tidak melelahkan dan dapat memotong masa bekerja.
- **Mudah** - mampu dikendalikan oleh wanita dan warga emas.
- **Bergaya** - boleh menarik minat anak muda untuk bekerja di ladang sawit.
- Meningkatkan produktiviti penemuan.
- Meningkatkan pendapatan bagi yang mengambil upah persendirian.
- Boleh menjadi kontraktor mengambil upah manual di kebun orang lain.

SIAPA YANG LAYAK?

1. Warganegara Malaysia atau pemastautin tetap.
 - a. Bagi pembelian kecil/persendirian yang menuai kebun sendiri, minimum keluasan penemuan adalah 2 ha.
 - b. Bagi penilai persendirian/peniaga/kontraktor yang memberi khidmat penemuan di kebun sawit milik pelanggan-pelanggan lain, jumlah keluasan minimum ialah 20 ha** atau menuai di kebun sawit yang dimiliki oleh tidak kurang 10 pekebun kecil atau keluasan yang malar-malar bergantung kepada persekitaran, lokasi dan topografi atau sebarang sebab lain yang dipersetujui oleh MPOB. Bagi yang menuai ladang syarikat swasta/leka, jumlah keluasan minimum adalah 50 ha @ 1 unit Cantas™.
3. Lal-lai yang dituai mempunyai lesen MPOB (kecuali peserta rancangan terasuri).

BAGAIMANA MEMOHON?

Permohonan melalui borang boleh dibuat melalui: Pegawai TUJAS di kawasan anda.

UNTUK KETERANGAN LANJUT, SILA HUBUNGI:

- Shellyza Mohd Ishak Tel: 03-8769 4549
- Siti Zulaikha Md Zaki Tel: 03-8769 4252
- Faks: 03-8925 9446
- atau lawati www.mpo.gov.my



SKID tank yang disita dibawa ke stor rampasan di Kluang, Johor.

Dua premis sindiket haram diserbu

DARI MUKA 5

negara sebagai pengeluar dan pengeksport minyak sawit dunia.

Sepasukan pegawai polis dari Bukit Aman dan Pegawai Penguatkuasa MPOB ditubuhkan di bawah operasi pemutihan itu telah melakukan serbuan di dua premis kegiatan sindiket haram

di Masai dan Layang-Layang, Johor.

Di Layang-Layang, polis berjaya merampas empat drum berisi 0.7 tan minyak sawit dan menahan dua orang dipercayai ahli sindiket manakala di Masai, Polis merampas empat tan minyak dan menahan tiga orang dipercayai ahli sindiket untuk siasatan.

Kedua-dua kes ini disiasat di bawah Peraturan Peraturan Lembaga Minyak Sawit (Pelesenan) 2005, Peraka 5 (1)(d) - Menyimpan Minyak Sawit tanpa lesen. Jika sabit kesalahan boleh dihukum di bawah Peraturan 5 (3) - dengan denda tidak melebihi RM 200 ribu atau 2 tahun penjara atau kedua-duanya sekali.

TUNGGU APA LAGI ?!!
SIAPA CEPAT DIA
DAPAT



SEBAGAI BAHAGIAN DARI TRANSFORMASI EKONOMI MALAYSIA MELALUI PENGENALPASTIAN BIDANG-BIDANG UTAMA SEKTOR EKONOMI YANG DI PERCAYAI BOLEH MENJADI PEMANGKIN PENCAPAIAN SASARAN NEGARA MAJU.



PESERTA bergambar selepas tamat Kursus Motivasi Membina Potensi Diri selama tiga hari di Ibu Pejabat MPOB di sini.

Anggota MPOB tingkat motivasi

Kursus dianjurkan bersama SPRM bertujuan pupuk nilai murni kepada peserta

Oleh Suraya Harun
suraya@mpob.gov.my

BANGI: Seramai 41 anggota MPOB dari pelbagai kategori menyertai Kursus Motivasi Membina Potensi Diri selama tiga hari di Ibu Pejabat MPOB di sini, pada 21-23 Disember 2011.

Kursus anjuran MPOB dengan kerjasama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bertujuan bagi meningkatkan motivasi

dan potensi diri kakitangan disamping bermuhasabah diri untuk memupuk nilai-nilai integriti yang mantap bagi mencapai kecemerlangan.

Sebagai agensi awam, keperluan menyedia dan meningkatkan kualiti kakitangan dari segi fizikal, minda dan nilai murni adalah faktor penting bagi mencapai visi dan misi agensi yang ditetapkan.

Selaras dengan itu, kursus ini diharap akan meningkatkan sikap

keyakinan diri, taat setia, jujur, amanah, setia kawan seterusnya menambah keupayaan anggota mengolah sikap-sikap yang negatif kepada lebih positif bagi membina potensi diri dalam melaksanakan tugas harian.

Sepanjang kursus, kakitangan MPOB didedahkan dengan pembelajaran mengenali kekuatan dan kelemahan diri dan perbincangan berkaitan teknik membina kekuatan serta potensi yang perlu dikem-

bangkan bagi mencapai matlamat kecemerlangan sekali gus menjana integriti.

Selain itu pembelajaran hubungan kemanusiaan, komunikasi berkesan, pemantapan keimanan dengan pemerhatian kebesaran tuhan juga diterapkan kepada semua peserta yang terbabit.

Kaedah kursus adalah melalui syarahan, permainan IQ dan ceramah muzikal dari dua penceramah SPRM.

Willowtown ramal peningkatan guna minyak sawit

Oleh Johari Minal
johari@mpob.gov.my

DURBAN (Afrika Selatan): Willowtown Group menggunakan 12,000 hingga 14,000 tan minyak sawit sebulan untuk menghasilkan pelbagai jenis produk seperti marjerin dan minyak sayuran jangka penggunaannya meningkat sebanyak 10-15 peratus setahun.

Willowtown bukan sahaja syarikat pengimport utama minyak sawit di Afrika Selatan masa ini, malah syarikat ini juga merupakan model dan pusat maklumat berkaitan minyak sawit dan minyak sayuran lain bagi pengguna di negara ini.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Abdul Razak Moosa, berkata meskipun sukar untuk menentukan dari mana datangnya minyak sawit yang digunakan oleh kumpulannya kerana ia biasanya membuat pembelian menerusi broker. Minyak sawit dari Malaysia secara kasarnya



meskipun sukar untuk menentukan dari mana datangnya minyak sawit yang digunakan oleh kumpulannya kerana ia biasanya membuat pembelian menerusi broker. Minyak sawit dari Malaysia secara kasarnya menyumbang 70-75 peratus

Abdul Razak Moosa
Ketua Pegawai Eksekutif
Willowtown Group

menyumbang 70-75 peratus.

Tempoh 10-12 tahun lepas menyaksikan lebih banyak syarikat di Afrika Selatan menggunakan minyak sawit kerana ia sangat bagus untuk tujuan menggoreng. Ini adalah faktor mengapa banyak rantaian restoran makanan segera menggunakan produk berasaskan minyak sawit.

"Ketika ini, minyak sayuran utama yang digunakan kumpulan ialah bunga matahari yang menyumbang 60 peratus, dan selebihnya minyak sawit, minyak kacang soya dan minyak canola," katanya.

Abdul Razak berkata, demikian ketika lawatan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tan Sri Bernard Dompok ke kilangnya di Pietermaritzburg, satu jam perjalanan dari sini.

Beliau berkata, kumpulan itu yang mula mengimport minyak sawit pada 1989 dan adalah pelanggan terbesar minyak sawit Malaysia di kalangan syarikat milik Afrika Se-

latan.

"Kami menggunakan olein, stearin dan minyak isirong sawit untuk mengeluarkan marjerin serta lemak membuat roti dan konfeksioneri," katanya.

Katanya, minyak sawit digunakan dalam kuantiti yang besar berbanding bunga matahari kerana ia lazimnya lebih pejal dan akan membolehkan marjerin dan spread mejal dengan cepat.

Olein sawit tidak boleh digunakan untuk memasak kerana ia cenderung menjadi berkabut yang membuatkan orang merasakan ia mengandungi air.

Di Afrika Selatan, pengguna memilih minyak masak yang lebih jernih," katanya.

Abdul Razak berkata, Willowtown adalah satu-satunya syarikat milik Afrika Selatan yang menganggotai Roundtable of Sustainable Palm Oil (RSPO) dan kini produk berasas sawit diterima ramai oleh pengguna.

RM182 juta bantu pekebun kecil sawit

Oleh Amran Ariffin
Amranariffin@mpob.gov.my

RANAU: Bagi membantu pekebun kecil yang mana kebun mereka sudah mencapai umur tua dan tidak mengeluarkan buah dengan produktif lagi, kerajaan melalui Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) menyediakan peruntukan RM105 juta sebagai bantuan untuk menanam semula pokok sawit.

Sementara itu sebanyak RM77 juta lagi diperuntukkan kepada pekebun kecil yang berhasrat untuk menanam baru sawit dengan sasaran keluasan 11,000 hektar diseluruh negara.

Menteri Pembangunan Luar Bandar Sabah, Datuk Dr Ewon Ebin, berkata demikian ketika berucap merasmikan majlis taklimat kepada pekebun kecil sawit yang dihadiri oleh lebih 300 orang di sini, baru-baru ini.

Majlis itu dianjurkan bersama oleh persatuan pekebun kecil sawit daerah itu dan MPOB.

Datuk Ewon berkata, sejak akhir-akhir ini, kebanyakan penduduk daerah Ranau makin menunjukkan minat untuk menanam sawit sebagai tanaman utama setelah menyedari tanaman itu memberikan pulangan yang lumayan.

"Kita akan membantu dan berbincang dengan MPOB untuk membina sebuah kilang sawit di daerah ini bagi membeli dan memproses bekalan buah sawit daripada pekebun kecil di sini dan kawasan sekitar."

Beliau menarakan ketua kampung dan pengerusi JKKK turut memberi bantuan dan bertindak proaktif bagi mengurus dan membantu pekebun kecil di kawasan masing-masing agar berupaya mendapat bantuan daripada MPOB dan juga agensi yang lain.

Sementara itu, Pegawai TUNAS, Wilayah Sabah yang turut memberi ceramah kepada pekebun kecil pada majlis itu berkata, bantuan yang disediakan oleh MPOB ada tiga kategori, iaitu bantuan untuk tanam baru, bantuan tanam semula dan bantuan subsidi pembelian mesin penuai buah sawit bermotor (Cantas).

Katanya, bantuan RM7,000 bagi setiap hektar disalurkan kepada pekebun kecil yang layak untuk membiayai kos penyediaan tapak, pemberian anak benih dan baja.

Pada masa sama, pegawai TUNAS MPOB akan memberi khidmat nasihat kepada pekebun kecil terutama dalam hal penanaman dan penyenggaraan kebun melalui amalan pertanian baik.

Bagaimanapun katanya, bagi tujuan tanam baru sawit, pekebun kecil yang layak menerima bantuan ini hanya mereka yang mempunyai tanah yang sah dan mempunyai geran hak milik.



MPOC, Jabatan Hidupan Liar Sabah anjur kolokium pemuliharaan

Persidangan 9 hingga 10 Januari cari penyelesaian isu keselamatan habitat orang utan di ladang sawit

KESINAMBUNGAN daripada Orang utan Conservation Colloquium (OUCC) yang diadakan pada 2009, kolokium mengenai pemuliharaan hidupan liar atau Sabah Wildlife Conservation Colloquium 2012 (SWCC 2012) akan diadakan di Hotel Le Meridien, Kota Kinabalu, Sabah, pada 9 hingga 10 Januari 2012. Persidangan dua hari ini akan dilancarkan bersama oleh Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi, Tan Sri Bernard Dompok dan Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Sabah, Datuk Masidi Manjun yang mewakili Ketua Menteri Sabah.

SWCC 2012 yang julung kali diadakan ini adalah lanjutan daripada kejayaan OUCC yang berupakan menarik perhatian pelbagai pihak terutama di kalangan mereka yang terbabit dalam industri minyak sawit. OUCC teretus hasil tinjauan Borneo Conservation Trust dan NGO Perancis pada 2009 atas naungan MPOC. Ketika itu, didapati kewujudan orang utan yang mendiami kawasan tanah rendah hutan Kinabatangan yang ditanam dengan tanaman sawit. Ini menimbulkan keperluan untuk peladang sawit, penyokong pemuliharaan dan pegawai kerajaan bertemu untuk mencari penyelesaian bagi membolehkan orang utan hidup dan membiak di habitat mereka di ladang kelapa sawit.

Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC) dan Jabatan Hidupan Liar Sabah (Sabah Wildlife Department) selaku penganjur utama SWCC 2012, dengan kerjasama Borneo Conservation Trust, Danau Girang Field Centre dan HUTAN ingin memperluaskan perhatian yang se-



belumnya diberikan khusus untuk orang utan dalam memastikan kegiatan pertanian tidak membahayakan mereka kepada keseluruhan hidupan liar.

SWCC 2012 berhasrat meningkatkan usaha dan kajian pemuliharaan serta menyediakan ruang untuk berkongsi penemuan dan bertukar fikiran sesama rakan sejawat dan mereka yang berkepentingan. Perhatian juga diberikan kepada usaha pemuliharaan yang dilakukan untuk spesies haiwan terancam di Borneo.

Kolokium ini memberi peluang kepada badan bukan kerajaan (NGO) dan penyokong pemuliharaan untuk menyuarakan kebimbangan mereka terhadap kesan aktiviti perladangan ke atas hidupan liar di samping mengenengahkan cadangan membina dan garis panduan mencapai kemajuan mampan yang menyeimbangkan pembangunan dan pemuliharaan.

Antara objektif SWCC 2012 adalah:

- Mengulangi usaha Kerajaan dan industri minyak sawit dalam pemuliharaan biodiversiti dan program tanggungjawab sosial korporat serta untuk mendapatkan le-

bih sokongan daripada industri minyak sawit dan syarikat multinasional.

- Mendedahkan kajian baru dan penting dilakukan institut penyelidikan dan NGO pemuliharaan ke atas spesies terancam di Borneo, Sabah, Sarawak dan Semenanjung.

- Melancarkan 3 Species Action Plans (SAP) iaitu pelan tindakan bagi Orang utan, gajah pigmi Borneo dan badak Sumatera. Perbincangan mendalam mengenai pelaksanaan dan kutipan dana untuk setiap program akan turut diadakan.

Sempena kolokium ini, beberapa memorandum persefahaman antara kerajaan Sabah dengan pelbagai organisasi akan ditandatangani.

Antara topik berkaitan pemuliharaan dan hidupan liar yang akan dibentangkan termasuk dua kertas kerja utama iaitu 'Harmonising Biodiversity Conservation and Development in Sabah' oleh Dr Laurentius N Ambu dari Jabatan Hidupan Liar Sabah dan 'Biodiversity Conservation and Development in South East Asia' oleh Dr Erik Meijaard dari People and Nature Consultancy International, Indonesia.

Ketua Pegawai Eksekutif MPOC, Tan Sri Dr Yusof Basiron, turut membentangkan kertas kerja bertajuk 'Balancing Sustainable Development of the Malaysian Palm Oil Industry with Conservation'.

Antara kertas kerja akan dibentangkan oleh jempunan termasuk:

- Updates on Current Wildlife Research in Sabah oleh Dr Benoit Goossens, Danau Girang Field Centre (DGFC), Sabah;

- Involving the Local Communities in Conservation Activities in Sabah oleh Dr Marc Ancrenaz, HU-



ORANG Utan yang tinggal di hutan Kinabatangan.

TAN, Sabah;

- Orang utans, Forests and Green Economy oleh Dr Johannes Refisch, Great Apes Survival Partnership (GRASP), United Nations Environment Programme, Kenya;

- Biodiversity Conservation in Sarawak: Where Are We? oleh Mr Wilfred S. Landong, Sarawak Forestry Corporation;

- Tiger Conservation in Malaysia - An Update oleh Datuk Abdul Rasid Samsudin, PERHILITAN (Department of Wildlife and National Parks, Peninsular Malaysia);

- Engaging the Palm Oil Industry in Conserving Wildlife oleh Dr Reza Azmi, Wild Asia;

- Bridging NGOs, Government and Industry for Biodiversity Conservation - Lessons Learnt in Malaysia oleh Datuk Dr Dionysius Sharma, WWF Malaysia;

- The Role of Zoos in Wildlife Conservation oleh Dr Markus Gusset, WAZA (World Association of Zoos and Aquariums), Switzerland;

- Fund Raising for Conservation in Altered Landscapes and Ecosystems oleh John Robertson, Cardiff University, Wales; dan

- Conservation and Industry:

Challenges and Solutions oleh Yaita Zainal Abidin, Sime Darby Foundation, Malaysia.

Menariknya, Zoo Victoria, Australia, yang menyerang industri minyak sawit dengan kempen anti minyak sawit, juga menyertai persidangan ini yang diwakili oleh Ms Jenny Gray dengan kertas kerjanya, 'Don't Palm Us Off - the Role of Zoos in Conservation'.

Seramai 300 peserta dijangka hadir di SWCC 2012. Ini termasuk penyelidik, penyokong pemuliharaan, agensi kerajaan, dan NGO yang terbabit dalam program pemuliharaan. Mereka yang berkepentingan dalam industri minyak sawit turut tampil bersama syarikat yang terbabit dalam memberikan perkhidmatan berkaitan pemuliharaan biodiversiti untuk industri perladangan.

Bagi mereka yang ingin menyertai persidangan ini hubungi:

Prema van Leeuwen atau Jeffrey Wong: SWCC 2012 SECRETARIAT c/o Sabah Wildlife Department 5th Floor, Block B, Wisma MUIS, 88100 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia atau hubungi talian +6 088 766 685 atau Faksimili +6 088 256 813. E-mel: swcc2012.sabah@gmail.com



GAJAH Pigmy antara haiwan liar yang mendiami hutan di Sabah.



BADAK Sumatera antara binatang yang dipulihara.

Cabaran industri sawit negara dan penyelesaiannya

Sudut Pelajar

INDUSTRI sawit negara adalah komoditi utama yang menyumbang kepada pembangunan ekonomi di samping menerajui Program Transformasi Ekonomi (ETP). Potensi industri sawit juga sentiasa stabil di tengah gelombang ketidakseimbangan ekonomi dunia dewasa ini.

Dalam keghairahan serta kebanggaan kita sebagai pengeksport minyak sawit dunia, masih terdapat cabaran yang harus ditempuhi oleh kerajaan bagi merencanakan pertumbuhan sawit mampan dan berjaya dari peringkat akar umbi hingga pucuk pimpinan yang berkarisma.

Pendekatan mengenalpasti masalah menjadi penanda aras MPOB sebagai agensi yang dipertanggungjawabkan memantau perkembangan industri sawit negara. MPOB mendepani cabaran secara komprehensif dari peringkat awal lagi. Sebagai contoh, masalah pengurusan ladang sawit yang terbiar akibat kekurangan tenaga buruh, di samping kos operasi yang semakin meningkat telah memberi impak kerugian kepada rakyat dan kerajaan. Sebagai jalan penyelesaian, kerajaan merangka pengenalan dasar pekerja asing bagi memastikan sumber buruh mencukupi di samping mengalih perhatian dengan menggunakan rakyat tempatan sebagai tenaga kerja di ladang-ladang sawit serta sektor lain dalam industri sawit.

Bagi menangani masalah kekurangan tenaga kerja juga, MPOB memberi latihan kemahiran kepada belia tempatan bagi menguasai sektor perladangan dengan penyediaan insentif termasuk kemahiran teknikal, biasiswa, kepakaran, pendapatan menarik dan sebagainya. Belia berwawasan perlu memperkasa industri sawit dengan melaksanakan penyelidikan dan pembangunan bagi mencari inovasi baru dan mentransformasikan stigma pemikiran dalam merangsang kemajuan industri sawit negara.

Cabaran yang dihadapi juga merang-

PEMENANG PERTAMA
FIRDAUS AQMAL AZMAN
(No K/P: 981125-01-6147)
Sekolah Tinggi Muar,
Jalan Meriam,
84000 Muar, Johor.

kumi masalah yang dihadapi oleh pekebun kecil yang kekurangan modal, pengetahuan dan kemahiran dalam mengurus kebun mereka. Natijahnya, kebun sawit mereka tidak produktif dan melebihi tempoh matang yang sepatutnya. Sebagai alternatif, MPOB menyediakan dana kewangan Skim Tanam Semula Sawit, penubuhan koperasi, khidmat nasihat dan sebagainya demi meningkatkan pengeluaran sawit dan menjana pendapatan pekebun kecil. Peningkatan produktiviti dan hasil yang bermutu adalah kerana amalan pertanian baik.

Selain itu, pelbagai tuduhan dan impak negatif turut dilemparkan kepada industri sawit. Ini tidak terkecuali impak negatif terhadap khasiat sawit contohnya, minyak sawit menjejaskan kesihatan seperti punca penyakit jantung kerana kandungan lemak tepu yang tinggi. Persepsi ini dipatahkan apabila saintis kita membuktikan sebaliknya melalui penyelidikan mereka. Terbukti



Sebagai alternatif, MPOB menyediakan dana kewangan Skim Tanam Semula Sawit, penubuhan koperasi, khidmat nasihat dan sebagainya demi meningkatkan pengeluaran sawit dan menjana pendapatan pekebun kecil



produk sawit adalah baik untuk kesihatan dan selamat kerana ia bebas daripada bahan kimia. Ia juga berkhasiat sebagai sumber makanan dan kosmetik berasaskan tumbuhan. Justeru itu, Malaysia amat berpotensi untuk menjadikan sawit sebagai sumber makanan halal dan menjadi pilihan utama dunia. Ini diperkukuhkan lagi dengan harga minyak sawit yang jauh lebih rendah berbanding minyak sayuran lain seperti kacang soya dan biji sesawi.

Cabaran lain yang harus didepani oleh industri sawit negara ialah tohmahan negara Barat yang menyatakan tanaman sawit dan pembukaan ladang sawit memusnahkan kepelbagaian spesis dan habitat hutan. Kenyataannya kerajaan telah mencari jalan penyelesaian dengan pelbagai dasar demi menepis tuduhan ini. Contohnya, pada tahun 2008, kerajaan memperuntukkan RM20 juta untuk tabung pemuliharaan hidupan liar dan hutan simpan. Kerajaan juga mengekalkan lebih 50 peratus tanah sebagai hutan simpan untuk kesinambungan generasi akan datang.

Permintaan tinggi terhadap industri sawit negara sering mencetuskan gelombang pasang surut. Ia merupakan cabaran buat industri negara. Bagi menstabilkan permintaan semasa penggunaan bio bahan api B5 memberi kesan baik kepada industri minyak sawit negara di mana ia di bawah paras harga yang menjimatkan serta ia meningkatkan imej negara di mata dunia. Kesan kepada alam sekitar dapat dirasai apabila ia dapat mengurangkan kadar pelepasan gas rumah hijau (GHG).

Kesimpulannya, tanpa industri sawit, penduduk bumi akan kehilangan salah satu sumber makanan dan hilang punca pendapatan yang akan mendorong kepada berlakunya krisis barang makanan dan krisis ekonomi. Sebagai rakyat Malaysia, kita wajar mensyukuri dan mempromosi aset berharga negara ke tahap yang sepatutnya. Hasrat murni untuk berdiri teguh dan sedia mendeponi cabaran dengan keyakinan jitu bahawa industri sawit negara akan terus kukuh dan berdaya saing di arena antarabangsa harus dicapai.

KUIZ

KUIZ SAWIT SIRI 13



SYARAT PENYERTAAN

- Penyertaan dibuka kepada pelajar Sekolah Rendah Tahun 1 - 6
- Penyertaan hendaklah disertakan dengan borang dan ditandatangani oleh guru sekolah
- 10 pemenang yang menjawab dengan betul akan dipilih sebagai pemenang
- Sekiranya terdapat lebih 10 pemenang, Cabutan Bertuah akan dibuat oleh panel kuiz
- Keputusan pengadil adalah muktamad
- Jawapan hendaklah sampai selewat-lewatnya pada 25 Januari 2012
- Hantarkan jawapan berserta nama penuh, nombor telefon, alamat rumah dan alamat sekolah yang lengkap kepada :
Ketua Pengarang Berita Sawit Kuiz Sawit (Siri 13)
Ibu Pejabat MPOB
 6, Persiaran Institusi, Bandar Baru Bangi, 43000 Kajang, Selangor
 (UP: Noor Asmawati Abdul Samad)

SOALAN KUIZ 13

1. Industri sawit dimasukkan dalam Bidang Utama Ekonomi Negara (NKEA)
 Betul Salah
2. Kerajaan telah meluluskan DIKN bagi menjelaskan hala tuju dan strategi sektor komoditi negara. DIKN adalah singkatan bagi...
 Dasar Industri Kimia Negara
 Dasar Industri Komoditi Negara
 Dasar Industri Kayu Negara
3. Penggunaan bahanapi biodiesel mampu kurangkan pelepasan gas rumah hijau
 Betul Salah
4. SKIDIC adalah singkatan bagi...
 Skim Diskaun Cemerlang
 Skim Diskaun Cantas
 Skim Diskaun Cemas
5. Pusat Khidmat TUNAS MPOB ditubuhkan untuk membantu golongan.....bagi mengusahakan tanaman sawit dengan amalan pertanian baik.
 Pengilang sawit
 Pekebun kecil sawit
 Peniaga buah sawit
6. Ternakan dan tanaman yang sesuai diintegrasikan dengan tanaman sawit serta memberikan pulangan yang lumayan...
 Lembu dan pisang
 Kucing dan pisang
 Ayam dan pisang
7. NKEA sawit meliputi lapan EPP atau...
 Projek Lanjutan
 Projek Sambungan
 Projek Permulaan
8. Mana satu yang bukan aktiviti haram/salah industri sawit
 Jual buah sawit muda
 Sedut curi minyak sawit
 Jual anak benih sawit berkualiti
9. MPOB menyediakan kemudahan secara 'online' kepada pihak industri sawit bagi mendaftarkan aktiviti mereka melalui...
 e-Pelesehan e-Registration
 e-Submission
10. Pekebun kecil sawit berpeluang membuat permohonan dan menyemak status lesen secara 'online' melalui...
 e-Pelesehan e-Pelesehan e-Pekebun Kecil e-Benih Sawit

BORANG PENYERTAAN

- Nama :
- Tahap :
- Alamat Sekolah :
- No. Tel :
- Alamat rumah :

NAMA PEMENANG SIRI 12

- | | |
|---|--|
| 1. Nur Alisha binti Abdullah
SK Sg. Korok Lama, Alor Star, Kedah | 5. Muhammad Ammar bin Mohd Noor
SK Bukit Payong, Marang, Terengganu |
| 2. Hazwani binti Mohd Jamhari
SK Setia Budi, Rengit, Batu Pahat, Johor | 6. Muhd Nursalam Ahmad Nasfu
SK Tengku Ampuan Mariam, Kuala Terengganu, |
| 3. Muhammad Firdaus bin Mohd Johan
SK Selama, Selama, Perak | 7. Nur Ashilah binti Kamarudin
SK Bandar Sg. Buaya, Rawang, Selangor |
| 4. Fazuan Ammar bin Azman
SK Bandar Maharani, Muar, Johor | 8. Syasya Nurina binti Shahrul Izwan
SK Gangsa, Durian Tunggal, Melaka |

Peraduan Mengarang Esei Berita Sawit Januari 2012

PERADUAN ini terbuka kepada pelajar sekolah menengah di seluruh negara. Karangan adalah mengenai industri sawit negara dan antarabangsa dan dituliskan berpandukan tajuk yang dibeberikan di bawah:

Tajuk: " Biodiesel sawit (B5) selamat untuk alam sekitar. Bincangkan. "

Peraduan Mengarang Esei Berita Sawit terbuka kepada semua pelajar sekolah menengah Tingkatan 1 hingga 5.

Tiga pemenang utama setiap bulan akan menerima;
 Hadiah Pertama: RM250
 Hadiah Kedua: RM200
 Hadiah Ketiga: RM150

Esei yang berjaya mendapat tempat pertama akan disiarkan dalam Berita Sawit keluaran bulan Februari 2012 akan datang.

Syarat Penyertaan:

1. Terbuka kepada pelajar sekolah menengah tingkatan 1 hingga 5
2. Panjang esei di antara 450 - 600 patah perkataan
3. Sila nyatakan nama penuh, alamat sekolah, alamat rumah, nombor kad pengenalan, nombor telefon dan sertakan sekeping gambar berukuran pasport (sekiranya ada)
4. Keputusan juri adalah muktamad
5. Tarikh tutup penyertaan ialah pada 25 Januari 2012
6. Hantarkan penyertaan ke alamat: Peraduan Mengarang Esei Berita Sawit Ibu Pejabat MPOB 6, Persiaran Institusi, Bandar Baru Bangi, 43000 Kajang, Selangor u/p: Noor Asmawati Abdul Samad (Unit Perhubungan Awam)

Keputusan Peraduan Mengarang Esei

Berita Sawit Bulan Disember 2011

Pemenang:

Hadiah Pertama
 Firdaus Aqmal Azman
 (K/P: 981125-01-6147)
 Sekolah Tinggi Muar,
 Jalan Meriam,
 84000 Muar, Johor.

Hadiah Kedua
 Farah Alia Suraya Azman
 (K/P: 950507-01-5658)
 SMK Bandar Maharani
 Jalan Ismail,
 84000 Muar, Johor.

Hadiah Ketiga
 Mohd Nazre Md Najib
 (K/P: 940228-01-6165)
 SMK LKTP Maokil,
 85300 Labis,
 Johor.



TAN SRI Bernard Dompok melawat pameran selepas merasmikan Pameran dan Seminar Pelaburan Malaysia - Afrika (POTS Afrika) di Johannesburg, Afrika Selatan. Turut kelihatan Datuk Dr Choo Yuen May (kanan).



DATO' Hamzah (empat dari kanan) bersama pekebun kecil sawit yang menerima lesen MPOB bagi aktiviti Menjual dan Membeli Buah Sawit sempena majlis perasmian Hello Komoditi di Kuala Selangor.



DATO' Seri Utama Shahrir Abdul Samad bersama Duta Belanda, Paul Bekkers (dua dari kanan) semasa melawat MPOB.



KETUA Setiausaha Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK), Datin Paduka Nurmalah Abdul Rahim mendengar taklimat ketika lawatan ke POMTEC di Labu, Negeri Sembilan bagi meninjau status pembinaan Pusat Loji Rintis Rawatan Sawit. Turut kelihatan Datuk Dr Choo Yuen May (empat dari kanan) dan Ahmad Sidek Stroo (tiga dari kanan).



AHLI Jawatankuasa Pelaburan FELDA semasa melawat Loji Rintis Phenolic sawit di Labu, Negeri Sembilan.



PENGARAH Bahagian Teknologi Maklumat dan Khidmat Korporat (TMKK), Dr Burhanuddin Abdul Salam menyampaikan Anugerah Maal Hijrah Peringat MPOB kepada Haji Wahid Mohamad yang terpilih memenangi anugerah itu bagi tahun 2011.



PENYAMPAIAN cek bantuan SITS bagi tanam semula pokok sawit oleh Ahli Parlimen Tenggara, Johor, Datuk Halimah Mohamed Sadique kepada Pengurus Felda Linggiu.



PENYAMPAIAN cek bantuan SITS bagi tanam semula pokok sawit oleh AHLI Parlimen Kota Tinggi, Johor, Datuk Seri Syed Hamid Albar kepada Pengurus Felda Lok Heng Barat.



PENYAMPAIAN cek bantuan SITS bagi tanam semula pokok sawit oleh Ahli Parlimen Hulu Selangor, P Kamalanathan kepada pengurus Felda Sungai Tinggi Selatan, Selangor.